

UPHAMOL 120 INFANT SYRUP 120MG/5ML (STRAWBERRY)

Paracetamol (120mg/5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Uphamol 120
2. Bagaimana Uphamol 120 berfungsi
3. Sebelum menggunakan Uphamol 120
4. Cara menggunakan Uphamol 120
5. Semasa menggunakan Uphamol 120
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Uphamol 120
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RIMUP

Apakah kegunaan Uphamol 120

Uphamol 120 Infant Syrup 120mg/5ml (Strawberry) digunakan untuk melegakan demam dan kesakitan ringan dan sederhana akibat selsema, pertumbuhan gigi, reaksi selepas vaksinasi, sakit kepala, sakit telinga dan sakit gigi.

Bagaimana Uphamol 120 berfungsi

Uphamol 120 mengandungi paracetamol. Paracetamol berfungsi untuk menghentikan pesanan kesakitan daripada sampai ke otak dan bertindak di pusat mengawal suhu badan di dalam otak.

Sebelum menggunakan Uphamol 120

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan menggunakan ubat ini jika anak anda alah terhadap

- paracetamol
- sebarang bahan kandungan lain yang disenaraikan di akhir risalah ini

Amaran alahan: Paracetamol boleh menyebabkan alahan kulit yang teruk, seperti kemerahan kulit, lepuh atau ruam.

Tanda-tanda tersebut mungkin menunjukkan keadaan yang serius. Jika tindak balas sedemikian berlaku, hentikan pengambilan dan mendapatkan bantuan perubatan dengan segera.

Penyediaan ini mengandungi PARACETAMOL. Jangan menggunakan Uphamol 120 jika anak anda mengambil ubat lain yang mengandungi paracetamol.

Jangan menggunakan ubat ini selepas tarikh luput pada pek ini atau jika terdapat tanda dibuka atau koyakan pada pembungkusan. Jika ia sudah luput atau rosak, kembalikan kepada ahli farmasi anda untuk dilupuskan.

Jika anda tidak pasti sama ada anak anda patut mula menggunakan ubat ini, sila tanya doktor anda.

- Sebelum menggunakan Uphamol 120

Beritahu doktor anda jika anak anda mempunyai alahan terhadap sebarang ubat lain, makanan, pengawet atau pewarna.

Beritahu doktor jika anak anda mempunyai atau pernah mengalami masalah kesihatan/keadaan kesihatan yang lain.

Wanita mengandung dan menyusu, sila rujuk doktor sebelum mengambil ubat ini.

Sekiranya simptom anda berterusan, sila berjumpa doktor atau ahli farmasi anda.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anak anda sedang mengambil ubat lain, termasuk sebarang ubat yang anda beli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat dan Uphamol 120 boleh bertindak balas antara satu sama lain terutamanya:

- Chloramphenicol (antibiotik)
- Warfarin (ubat cair darah)
- Metoclopramide (ubat muntah)
- Propantheline (untuk merawat kekejangan perut)
- Ubat tahan sakit narkotik atau Pethidine
- Phenytoin (untuk merawat sawan)

Doktor dan ahli farmasi anda mempunyai lebih banyak maklumat tentang ubat lain yang perlu diberi perhatian atau dielakkan semasa mengambil Uphamol 120.

Cara menggunakan Uphamol 120

Patuhi semua arahan yang diberikan oleh doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti.

Arahan-arahan ini mungkin berbeza daripada informasi yang terkandung dalam risalah ini.

Sekiranya anda tidak faham arahan pada pek, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa banyak harus digunakan

Kanak-kanak

Bawah 3 bulan:

5 hingga 10mg/kg (Atas arahan doktor sahaja)

3 hingga 11 bulan:

½ hingga 1 sudu teh (2.5 hingga 5ml),
3 hingga 4 kali sehari

1 hingga 5 tahun:

1 hingga 2 sudu teh (5 hingga 10ml),
3 hingga 4 kali sehari

Bila perlu digunakan

Jangan mengambil ubat ini melebihi 4 kali sehari dan jangan melebihi sukatan yang dicadangkan kecuali dinasihatkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

Berapa lama perlu digunakan

Ambil Uphamol 120 secara berterusan seperti yang diarahkan oleh doktor anda.

Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat dan kemudian kembali mengambil ubat seperti biasa.

Jika sudah dekat waktu dos seterusnya, tinggalkan dos yang terlupa dan ambil dos seterusnya mengikut jadual biasa.

Jangan gantikan dos untuk menggantikan dos yang terlupa dengan mengambil lebih daripada satu dos pada masa yang sama. Ini mungkin meningkatkan peluang anda mendapat kesan sampingan yang tidak diingini.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda fikir anak anda atau orang lain mungkin terlebih mengambil Uphamol 120, hubungi doktor anda untuk mendapatkan nasihat atau pergi ke bahagian kecemasan hospital yang terdekat dengan segera.

Tanda-tanda dan gejala-gejala terlebih dos termasuk:

- Muntah, loya ringan, gangguan gastrousus
- Tekanan darah rendah
- Kurang selera makan
- Cirit-birit

Ini mesti dilakukan walaupun tiada tanda ketidakselesaan atau keracunan. Anak anda mungkin memerlukan rawatan perubatan dengan segera.

Semasa menggunakan Uphamol 120

Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang sedang merawat anak anda bahawa anak anda sedang mengambil Uphamol 120.

Jika anak anda akan mula mengambil sebarang ubat baru, beritahu doktor dan ahli farmasi anda bahawa anak anda sedang mengambil Uphamol 120.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat atau mengurangkan dos tanpa berbincang dengan doktor anda.

Jangan mengambil Uphamol 120 untuk merawat sebarang masalah lain melainkan diarah oleh doktor anda.

Jangan beri ubat ini kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan jentera
Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera. Jika ubat ini menyebabkan anda terasa loya, pening, letih, atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

Kesan-kesan sampingan

Semua ubat boleh membawa kesan sampingan. Kadang kala kesan sampingan ini serius, tetapi selalunya tidak.

Minta nasihat doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai sebarang kebimbangan mengenai kesan mengambil ubat ini.

Apabila diambil dalam dos yang disyorkan, kesan sampingan daripada Uphamol 120 adalah jarang berlaku dan selalunya ringan. Ruam kulit dan reaksi hipersensitif lain-lain dilaporkan berlaku sekali-sekala sahaja.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mendapati apa-apa yang membuatkan anak anda rasa tidak sihat.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Uphamol 120

Penyimpanan

Simpan ubat anda dalam pek asalnya sehingga tiba masa untuk mengambilnya.

Simpan dalam bekas tertutup rapat di tempat yang kering pada suhu bawah 30°C. Lindungi daripada cahaya.

Jangan simpan Uphamol 120 atau ubat lain dalam bilik mandi atau dekat sinki.

Simpan di tempat yang tidak boleh dicapai oleh kanak-kanak.

Pelupusan

Jika doktor atau ahli farmasi anda mengarahkan anak anda berhenti mengambil Uphamol 120 atau ubat ini sudah melepasi tarikh luputnya, sila tanya ahli farmasi anda apa yang patut dilakukan dengan sebarang ubat yang tinggal.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk

Sirap berwarna merah, berperisa strawberi.

Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:

Setiap 5ml sirap mengandungi 120mg paracetamol.

Bahan tidak aktif:

- Glycerine
- Methylparaben
- Propylparaben
- Xanthum Gum
- Carmoisine (Cherry red)
- Saccharin Sodium
- Gula
- Cherry Essence
- Citric Acid
- Sorbitol 70% Solution
- Strawberry Essence
- Purified Water
- Propylene Glycol

Nombor MAL

MAL08111834XZ

Pengilang

Duopharma Manufacturing (Bangi) Sdn Bhd (53667-M)

Lot 2&4, Jalan P/7, Section 13, Bangi Industrial Estate, 43650, Selangor Darul Ehsan

Pemegang Pendaftaran Produk

Duopharma Manufacturing (Bangi)

Sdn. Bhd.

Lot No. 2, 4, 6, 8 & 10, Jalan P/7,

Section 13, Bangi Industrial Estate,

43650 Bandar Baru Bangi, Selangor

Darul Ehsan.

Tarikh kemaskini RIMUP

04/04/2021

Nombor Siri:

NPRA(R4/1)100120/00006